

19/09/1997

Melaka dijangka tarik pelaburan RM1.3b

MELAKA, Khamis - Rombongan misi pelaburan yang diketuai Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin ke Kanada, Amerika Syarikat dan Britain dari 24 September hingga 7 Oktober dijangka menarik pelaburan bernilai RM1.3 bilion ke Melaka.

Abu Zahar berkata, ini berikutan banyak memorandum perjanjian akan ditandatangani oleh rombongan yang disertai lima pegawai kerajaan serta 25 ahli korporat dari Melaka.

Menurutnya, memorandum pelaburan yang akan ditandatangani adalah dalam bidang pendidikan, pembangunan teknologi tinggi, teknologi maklumat serta komputer.

Katanya, delegasi perdagangan itu akan memberi taklimat di Toronto, Ontario mengenai peluang pelaburan di Melaka, terutama dalam bidang pendidikan.

"Rombongan juga akan berusaha menarik pelaburan ketika mengunjungi San Diego serta Los Angeles di Amerika Syarikat dan London," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Peladang Negeri Melaka (PPNM) ke-20, di Ayer Keroh dekat sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri, Datuk Ahmad Hamzah; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Abdul Rahim Rahmat; dan Pengerusi PPNM, Senator Abdul Majid Baba.

Abu Zahar juga menjelaskan lima pegawai kerajaan sahaja yang akan menyertai delegasi itu selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, mahukan jumlah kecil pegawai kerajaan menyertai rombongan pelaburan ke luar negara.

Berikutan itu, tegasnya, rombongan pelaburan dari Melaka disertai lebih ramai daripada sektor swasta dalam usaha menarik pelabur luar datang melabur ke negeri ini.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata, kerajaan negeri sedang mengkaji beberapa agensi kerajaan yang berpotensi untuk membeli saham bagi membantu meningkatkan pasaran saham sekarang.

Bagaimanapun, katanya, orang ramai yang berkemampuan patut merebut peluang membeli saham di pasaran kerana harga kebanyakan saham adalah murah.

Serentak itu, Abu Zahar juga mahu orang ramai menggunakan barangan tempatan supaya dapat membantu kerajaan mengurangkan import bahan makanan dari luar negara.

"Seboleh-bolehnya semua pihak perlu menggunakan barang tempatan supaya pengurangan import boleh membantu mengurangkan defisit akaun semasa negara," katanya.

Mengenai projek mega, beliau berkata, pelaksanaan akan dilakukan sebaik saja ekonomi negara pulih.

(END)